



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UHS1022 FALSAFAH DAN ISU SEMASA

**“ULASAN ISU SEMASA BERKENAAN JENAYAH KOLAR PUTIH DAN RASUAH
DALAM KALANGAN RAKYAT”**

NAMA: HUDA NAJIHAH BINTI AHMAD ASRI

NO. MATRIK: A20EC0045

NAMA PENSYARAH: DR. MOHD KHAIRY KAMARUDIN

Isi Kandungan

Abstrak	1
Pendahuluan	1
Perbincangan Isu Utama Kajian yang Dikaitkan dengan Falsafah, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Rukun Negara	2
Punca-punca Isu	3
Kesan-kesan Isu	4
Terhadap Individu	4
Terhadap Keluarga	4
Terhadap Masyarakat	4
Terhadap Negara	5
Cadangan Cara Menangani Isu	5
Kesimpulan	6
Rujukan	7

JENAYAH KOLAR PUTIH DAN RASUAH DALAM KALANGAN RAKYAT

Abstrak

Jenayah kolar putih yang mula-mula diperkenalkan oleh Edwin Sutherland pada tahun 1939. Jenayah ini berleluasa dalam setiap negara, dan bagi Malaysia, perkara terbabit tidak asing lagi kerana hampir setiap hari terdapat berita mengenai kes-kes jenayah terbabit seperti rasuah dan penggelapan duit syarikat. Ulasan ini membincangkan isu utama kajian yang dikaitkan dengan falsafah, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Rukun Negara. Selain itu, ulasan isu ini juga menerangkan punca isu ini berlaku selain menerangkan kesannya serta cara menangani isu ini. Ulasan ini bertujuan untuk memahami jenayah kolar putih dan rasuah yang berlaku di negara ini.

Pendahuluan

23 November 2020, Malaysia digemparkan dengan kes daging kartel di mana daging sejuk beku yang haram, iaitu tidak disembelih mengikut syariat Islam, telah diimport ke dalam negara dan mempunyai logo halal. Daging sejuk beku ini dijual di pasar raya tempatan dan juga dibekalkan kepada syarikat-syarikat ternama. Umum kita ketahui, Malaysia mempunyai majoriti penduduk beragama Islam, maka kes ini telah menyebabkan kemarahan orang ramai. Ada yang mengatakan bahawa perkara ini telah terjadi sejak 40 tahun lalu, tetapi kenyataan ini telah dibidas oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Menurut kronologi daripada akhbar Sinar (2020), sejak 2017 lagi kes sebegini telah terjadi dan pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah berulang kali merampas kontena kartel daging. Selain itu, ahli parlimen Pasir Salak, Tajuddin Abdul Rahman berkata bahawa beliau sudah mengetahui tentang isu ini sejak beliau menjadi Timbalan Menteri Pertanian pada Mei 2013 (Zain, 2021), tetapi mengapa sehingga tahun 2020 kartel ini masih boleh mempunyai

lesen untuk mengimport daging ke dalam negara? Sesungguhnya, kes ini membuktikan bahawa terdapat jenayah kolar putih dan rasuah berleluasa di sebalik tabir dan pandangan masyarakat.

Perbincangan Isu Utama Kajian yang Dikaitkan dengan Falsafah, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Rukun Negara

Jenayah kolar putih ialah jenayah yang dilakukan semasa bekerja oleh pihak yang mempunyai pekerjaan yang sah di sisi undang-undang, dan jawatan mereka digunakan untuk melakukan jenayah terbabit (Payne, 2016). Di antara contoh jenayah kolar putih ialah rasuah, penggelapan wang syarikat serta pelaburan wang haram. Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (2016), rasuah ialah perbuatan memberi atau menerima sesuatu yang mempunyai nilai seperti wang, hadiah dan jawatan untuk mengelakkan atau melakukan sesuatu tugas rasmi. Sebagai contoh, sebuah syarikat memberi wang kepada pegawai kerajaan untuk meluluskan tender bagi sesuatu projek. Contoh tersebut tidak asing lagi dasawarsa ini kerana telah acap kali berita sebegini keluar di kaca televisyen. Perbuatan ini, umpama mencabul kedaulatan undang-undang negara. Hal ini demikian kerana pihak terbabit merasakan mereka tidak akan sama sekali tertangkap. Telah dinyatakan di dalam Rukun Negara yang keempat itu bahawa rakyat boleh mengamalkan hak-hak secara bebas selagi tidak melanggar undang-undang.

Pada tahun 2020, Malaysia menduduki tangga yang ke-57 daripada 180 buah negara di dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) (2021) yang mengambil kira tahap rasuah dalam sektor awam di sesebuah negara. Dengan skor 51/100, Malaysia berada dalam purata global. Akan tetapi, perkara ini bukanlah sesuatu yang perlu dibanggakan. Hal ini jelas bertentangan dengan FPN, kerana FPN menekankan tentang sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran bersama, tetapi perbuatan jenayah ini mengancam kemakmuran negara. Ini disebabkan, rakyat menyalahkan satu sama lain serta kerajaan apabila berlaku kes-kes jenayah kolar putih ini.

Punca-punca Isu

Terdapat banyak punca mengapa jenayah ini terjadi. Antaranya ialah tekanan pekerjaan, yang merupakan tekanan disebabkan pekerjaan sama ada keadaan tempat kerja mahupun keperluan pekerjaan itu sendiri. Hal ini demikian, ketika berasa tertekan, manusia membuat keputusan berdasarkan emosi, dan mereka lebih memberi perhatian kepada ganjaran yang diberikan di akhir hari berbanding risiko yang mungkin mereka hadapi (Dearden, 2019). Lantas, mereka mengambil jalan mudah untuk menyiapkan pekerjaan mereka. Dari segi kewangan pula, terdapat pihak yang mempunyai masalah kewangan, lalu menganggap bahawa jenayah ini ibarat modal atau pelaburan yang boleh memberikan impak positif kepada mereka dengan cara yang cepat. Hal ini berlaku kerana pada waktu tersebut, mereka tidak memikirkan risiko jangka masa panjang akibat daripada perbuatan tersebut disebabkan mereka berfikir untuk menyelamatkan kepentingan mereka terlebih dahulu. Dapat kita lihat bagaimana tekanan pekerjaan menyebabkan individu berani melakukan jenayah tidak bermoral ini.

Seterusnya, ketamakan dalam golongan elit atau golongan yang berstatus tinggi. Hal ini kerana golongan tersebut sudah mempunyai semua keperluan merangkumi psikologi, keselamatan dan kasih sayang yang diperlukan (Gottschalk, 2017) seperti mana di dalam Teori Hierarki Keperluan Maslow, dan untuk naik ke tahap seterusnya, mereka sanggup lakukan apa sahaja. Teori Hierarki Keperluan Maslow menerangkan tentang keperluan hidup manusia yang mempunyai lima tahap, di mana keperluan yang ada di bawah sekali merupakan keperluan psikologi seperti makanan dan minuman. Seterusnya ialah keselamatan yang termasuk perlindungan dan pakaian. Ini diikuti dengan kasih sayang iaitu persahabatan dan keluarga. Tahap hierarki tertinggi dalam teori ini ialah penghargaan diri, dan hasrat diri. Dua keperluan ini merupakan pendorong golongan elit melakukan jenayah kolar putih kerana dapat memudahkan mereka untuk membina nama dan kredibiliti dalam kalangan mereka. Sesungguhnya, ketamakan menjadi faktor jenayah ini berleluasa.

Kesan-kesan Isu

Terhadap Individu

Setiap negara pasti mempunyai hukuman bagi jenayah kolar putih ini. Di Malaysia, jika seseorang individu disabitkan dengan jenayah rasuah, mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, individu terbabit akan dipenjarakan tidak melebihi dua puluh tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan yang diterima atau diberi. Jika tidak membabitkan wang, individu terbabit boleh dikenakan penjara serta bayaran denda RM10,000.

Terhadap Keluarga

Jenayah ini sudah tentu bagaikan menconteng arang ke muka keluarga pihak terbabit. Apabila seseorang didakwa dengan kesalahan sebegini, pihak berkuasa akan menyita kesemua barangan milik individu terbabit serta membekukan akaun bank yang berkaitan dengan individu yang didakwa. Ini termasuk barangan milik ahli keluarga mereka juga. Hal ini demikian kerana, pihak berkuasa mahu memastikan bahawa sumber barangan tersebut datang daripada sumber yang sah di sisi undang-undang. Lantaran itu, ahli keluarga akan menghadapi kesukaran semasa menunggu proses pengesahan daripada pihak berkuasa dari segi kewangan serta tempat tinggal. Tambahan pula, jika berita mengenai individu didakwa sampai ke telinga orang ramai, ahli keluarga terpaksa menahan malu ketika di khalayak ramai.

Terhadap Masyarakat

Selain itu, apabila berlakunya kes jenayah sebegini, jurang antara golongan miskin dan kaya akan lebih ketara. Hal ini kerana golongan miskin tidak mempunyai peluang untuk mengubah hidup mereka, disebabkan golongan kaya memonopoli segala perkara. Di samping itu, golongan kaya akan terus berada di dalam buih sosial mereka menyebabkan mereka tidak mempunyai kesedaran tentang realiti dunia. Hal ini boleh dilihat melalui munculnya terma

‘Bangsar Bubble’ dalam media sosial yang menggambarkan golongan elit yang tinggal di kawasan bandar besar. Mereka hidup dan bergaul dalam kalangan mereka sahaja, dan berpendapat bahawa orang lain juga perlu mempunyai pemikiran yang sama seperti mereka. Mereka juga merasakan bahawa semua perkara boleh diselesaikan dengan mudah dan tidak dapat merasai empati terhadap kesusahan golongan miskin.

Terhadap Negara

Seterusnya, apabila jenayah ini berleluasa di kalangan rakyat, ia menyebabkan ekonomi negara merudum. Hal ini demikian kerana, apabila terdapat khabar angin tentang berlakunya jenayah kolar putih di dalam sesebuah syarikat, pelabur akan mula menarik semula pelaburan mereka daripada syarikat terbabit. Perkara ini dilihat terjadi seawal sembilan hari sebelum pengumuman rasmi dibuat di Bursa Malaysia (Tay et al., 2016) kerana pelabur takut sekiranya syarikat terbabit akan digantung atau dibuang daripada Bursa Malaysia setelah pengumuman dilakukan. Jika semakin banyak syarikat yang terjebak dengan jenayah ini, sudah tentu pelabur akan lari ke negara lain untuk mencari pelaburan yang lebih terjamin bagi mereka.

Cadangan Cara Menangani Isu

Antara cara untuk menangani isu ini adalah dengan melakukan rombakan dalam organisasi termasuk agensi kerajaan. Hal ini disebabkan jika tidak berlaku rombakan, individu yang melakukan jenayah ini akan berasa selesa dengan jawatannya dan berasa bahawa dia tidak akan sama sekali tertangkap. Ketika rombakan dilakukan, pihak atasan perlu menggunakan khidmat pihak lain yang berintegriti untuk melakukan pemeriksaan terhadap setiap ahli organisasi terbabit, termasuk pihak atasan juga. Jika terdapat pihak atasan yang terlibat dengan jenayah ini, sudah tentu pihak tersebut cuba menutup kesalahan mereka dengan menggunakan ahli-ahli organisasi sebagai kambing hitam. Rombakan bukan sahaja dilakukan dengan menempatkan anggota terbabit ke jabatan lain, malahan tindakan tatatertib juga perlu diambil

terhadap mereka yang bersalah termasuk memecat mereka. Ini untuk mengelakkan pihak terbabit tidak mengulangi jenayah yang sama di dalam organisasi tersebut.

Seterusnya, setiap individu perlulah menghayati dan mengamalkan Rukun Negara dalam kehidupan seharian. Perkara sebegini perlulah dipupuk sejak berada di bangku sekolah lagi, agar kanak-kanak boleh membesar menjadi seorang yang sayangkan negara. Tambahan pula, kanak-kanak mudah dibentuk perwatakannya jikalau diajar dengan hemat. Bagi dewasa pula, mungkin sukar untuk mengubah cara pemikiran mereka, akan tetapi pihak majikan boleh menjalankan Garis Panduan Tatacara Mencukupi dalam organisasi mereka untuk mengelakkan daripada berlakunya jenayah sebegini. Sesungguhnya, jika semua rakyat dapat menghayati Rukun Negara dengan baik, sudah tentu tiada siapa akan merasakan diri mereka berada di atas undang-undang. Lantas, kes-kes berkaitan integriti sebegini tidak akan berleluasa dalam kalangan rakyat.

Kesimpulan

Sudah terang lagi bersuluh bagaimana jenayah kolar putih dan rasuah ini mampu melemahkan negara dari pelbagai sudut. Dapat juga kita lihat bagaimana semua pihak sedar mengenai perkara ini, tapi tiada tindakan tegas diambil oleh pihak berkuasa menyebabkan jenayah ini terjadi sehingga sekarang. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa terdapat juga individu tidak bermoral dalam kalangan pihak berkuasa dan kerajaan yang menyebabkan jenayah ini tidak dapat dihapuskan sepenuhnya, bagaikan harapan pegar, pegar makan padi. Maka, semua pihak perlu berhenti berbual seperti tin kosong, dan mula *walk the talk*. Semoga jenayah ini dapat dibasmi agar Malaysia dapat menjadi sebuah negara yang mempunyai kredibiliti tinggi di mata dunia.

Rujukan

- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). (2016). Kenali Rasuah. Dicapai pada 28 Januari 2021 daripada <https://www.sprm.gov.my/pendidikan/kenali-rasuah>
- Thomas E. Dearden. (2019). How modern psychology can help us understand white-collar criminals. *Journal of Financial Crime*, 26, 61-73. doi:10.1108/JFC-11-2017-0103
- Peter Gottschalk. (2017). *Organizational Opportunity and Deviant Behavior: Convenience in White-Collar Crime*. United Kingdom: Edward Elgar Publishing.
- Transparency International. (2021). *Corruption Perception Index 2020*. Retrieved from
- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], (2009).
- Brian K. Payne. (2016). *White-Collar Crime: The Essentials* (Second ed.). Old Dominion University: SAGE Publications.
- Izwan Rozlin, & Muhammad Afham Ramli. (2020, 23 November 2020). Awas, aktiviti seludup masuk daging lembu tidak halal. *Sinar Harian*.
- Liang-Mui Tay, Chin-Hong Puah, Rayenda Khresna Brahmana, & Nurul Izza Abdul Malek. (2016). The effect of white collar crime announcement on stock price performance: Evidence from Malaysian stock market. *Journal of Financial Crime*, 23. doi:10.1108/JFC-03-2015-0016
- Haspaizi Zain. (2021, 24 Januari 2021). Tajuddin: Saya persoal isu kartel daging import dari era BN lagi. *malaysiakini*.